

11 pelajar UMS-KAL ikuti program Eksplorasi di Thailand

NST 16-11-2012 7

LABUAN: Seramai 11 pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) menyertai Program Eksplorasi Pelajar ke Thailand pada 22 hingga 27 Oktober lalu.

Lawatan sambil belajar selama enam hari itu diketuai Pensyarah Kanan, Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal.

Turut menyertai lawatan itu ialah Timbalan Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Ryan Andrias Macdonell dan Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Suffian Osman.

Antara universiti yang mereka kunjungi ialah Mahidol University International College, Nakhonpathom Thailand Asian Institute of Technology, Pathumthani Thailand Chulalongkorn University dan Pathum Wan Thailand Pattaya.

Dr Geoffrey yang juga Penyelaras Program berkata antara objektif lawatan itu ialah untuk menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman mengenai aktiviti pelajar di Thailand.

Selain itu, untuk pertukaran idea antara kedua-dua universiti terutama yang berkaitan pengurusan aktiviti yang membabitkan pelajar.

"Pelajar dapat melihat sendiri program dan aktiviti yang dianjurkan oleh universiti yang dikunjungi. Ianya sangat berguna untuk diaplikasikan di UMS-KAL pada masa akan datang," katanya.

Dr Geoffrey berkata demikian selepas menyampaikan cenderamata kepada Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali di pejabatnya di Tingkat 13, Bangunan Menara UMS-KAL, sebagai tanda penghargaan atas sokongan beliau terhadap program itu.

Sementara itu, Dr Ismail berkata beliau akan meneliti beberapa cadangan daripada pelajar yang menyertai lawatan itu untuk digunapakai di UMS-KAL yang mampu memberi keselesaan kepada mereka.

Sebelas pelajar yang menyertai program itu ialah Elviralyann Ukon selaku pengarah program, Jennifer Voon Mei Ying, Augustina Chang Mei Xin, Nur syuhada Muhammad Wazir, Ely Nadhirah Rosnan, Dayang Hadiah, Chin Ze Yee, Paulina Ong Sheau Qi, Diny Azhari Suhaili, Dhymna Lucas dan Yong Yoong Shin. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN**



KENANGAN....Prof Madya Dr Ismail (empat kanan) menerima cendera mata daripada Dr Geoffrey diperhatikan Ryan (dua kanan) dan Suffian (kiri) serta peserta Program Eksplorasi Thailand 201.